

27 SEP 2003

Pemikir-Mahathir

DR MAHATHIR LAYAK DIBERI GELARAN PEMIKIR ISLAM ABAD KE-21

ALOR STAR, 27 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad layak diberi gelaran Pemikir Islam Abad ke-21 kerana wawasan dan agendanya bukan sahaja boleh digunapakai oleh generasi akan datang malahan sesuai dicontohi oleh negara lain yang mahu Islam dihormati dan berkembang, kata seorang pegawai Jabatan Penerangan.

Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir hari ini berkata, Dr Mahathir istimewa kerana berjaya melaksanakan ideanya sehingga Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara Islam oleh tokoh Islam terkemuka dunia dan kebanyakan negara Islam.

"Wawasan dan idea Dr Mahathir yang global telah meletakkan Malaysia dalam suasana makmur dan aman kerana rakyat berbilang kaum dapat hidup dalam keadaan tenteram," katanya ketika ditemui pada seminar Dr Mahathir Pemikir Islam Abad ke-21 di sini.

Seminar sehari anjuran JHEK Kedah itu dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ku Nahar Ku Ibrahim yang mewakili Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Zainal Abidin berkata inilah punca Malaysia disanjung dan dijadikan contoh oleh negara Islam lain kerana asas penting yang ditekankan Dr Mahathir ialah Islam bukan agama yang jumud atau dilihat sebagai mengamalkan perkara ritual dan remeh sahaja yang menjadikan umatnya mundur dan dihina.

"Hampir 75 peratus kekayaan di dunia terletak di negara-negara Islam tetapi banyak pemimpin di negara itu tidak dapat menjadikan negara mereka dan Islam dihormati atau berada di tempat yang sewajarnya," kata beliau.

Beliau menegaskan pemikir Islam tidak semestinya daripada kalangan ulama kerana pemikir sebenarnya adalah orang yang memberi banyak faedah untuk negara dan yang mempunyai keahlian dalam pengurusan negara dan agama.

Sebagai contohnya, beliau berkata khalifah kedua Islam Saidina Omar Al-Khatib memperkenalkan prinsip pentadbiran merangkumi bidang pentadbiran, ekonomi dan sosial yang diterjemahkannya daripada Al-Quran dan Hadis.

Bagaimanapun, Zainal Abidin berkata beliau kecewa dengan sikap segelintir rakyat yang cemburu dan irihati dengan kejayaan Dr Mahathir sehingga sanggup menolak Perdana Menteri hanya kerana perbezaan pendapat dan pendirian politik.

Perkongsian kuasa dalam Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi Umno juga berasaskan siasah politik kerana agama Islam itu sendiri menganjurkan perpaduan, katanya.

Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan pada seminar itu. Antaranya "Konsep Tajdid dan Pemikiran Islam Dr Mahathir: Satu Analisis" oleh Prof Madya Dr Rahimin Affandi Abdul Rahman dari Universiti Malaya dan "Sumbangan Umno Dalam Pendidikan Negara" oleh Prof Dr Muda Ismail Abdul Rahman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

-- BERNAMA

ZA MAN PR